

03 NOV 1999

Mahkamah-Anwar (Imbasan)

IMBASAN OTAK ANWAR MENUNJUKKAN TIADA MASALAH

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Imbasan otak yang dialami oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam, tidak menunjukkan sebarang masalah, Mahkamah Tinggi diberitahu hari ini.

Anwar yang kerap mengadu mengalami sakit kepala semasa perbicaraan kes liwatnya, memberitahu Hakim Datuk Arifin Jaka bahawa imbasan otak yang dijalannya semalam menunjukkan keadaan "was alright" (tiada masalah).

Beliau memaklumkan Arifin demikian setelah hakim itu memberitahunya yang beliau mengambil berat mengenai kesihatannya yang sekali lagi mengadu sakit kepala dan tidak dapat meneruskan keterangan di mahkamah pada sesi petang.

Anwar hanya memberi keterangan membela dirinya selama lebih kurang 20 minit pada sesi petang, sebelum mengadu tidak selesa kerana sakit kepala.

Perbicaraan kemudian ditangguhkan sehingga pagi esok.

Anwar, 52, dituduh bersama-sama adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, 38, meliwat bekas pemandu peribadi isterinya, Azizan Abu Bakar, 39, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar di sini, pada suatu malam, pukul 7.45, antara Januari dan Mac 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, juga didakwa bersubahat dengan Anwar untuk meliwat Azizan di tempat dan pada masa yang sama.

Semasa perbicaraan sebelum ini, Anwar telah beberapa kali mengadu bahawa beliau tidak dapat memberikan keterangan dan pada satu masa, mahkamah diberitahu oleh para doktor dari Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia (HUKM) bahawa beliau menghidap sakit kepala akibat tekanan.

Pada perbicaraan sesi petang hari ini, semasa Anwar memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak selesa, Arifin berkata beliau nampak masalah yang dialami oleh Anwar melalui mukanya yang kelihatan merah dan matanya berair.

Arifin menasihatkannya supaya mengambil ubat yang diberikan oleh doktor bagi memastikan penyakit itu tidak berpanjangan demi untuk kebaikan dirinya juga.

"Saya boleh bayangkan yang sakit kepala itu teruk," kata hakim itu.

"Doktor suruh rehat, rehat tu kena tidur," kata Anwar sambil menjelaskan sekali lagi bahawa imbasan yang dijalannya menunjukkan keadaannya "was alright".

Pada peringkat ini, Arifin berkata bagi mengelakkan perjalanan perbicaraan tidak terganggu kerana masalah sakit kepala Anwar yang sering dilamai pada sebahagian petang, beliau mencadangkan agar perbicaraan dijalankan pada sebelah pagi dan diteruskan sehingga pukul 2.30 petang tanpa bersidang selepas waktu makan tengah hari.

Beliau berkata perbicaraan tanpa sesi petang itu akan dicuba esok.

Arifin memberitahu Anwar bahawa doktor yang merawatnya (Anwar) telah menghubungi beliau dan meminta supaya beliau diberikan masa untuk rehat sekiranya mengadu sakit kepala.

Sebelum itu, semasa memberikan keterangannya, Anwar berkata adalah tidak benar beliau mengarahkan SAC I Musa Hassan supaya menghentikan penyiasatan surat layang terhadap dirinya pada 30 Ogos 1997.

SAC I Musa Hassan ialah pegawai penyiasat bagi kes itu.

Anwar berkata mengikut semakan buku harian dan nota pejabatnya, hanya Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (CID) (ketika itu) Datuk Ismail Che Rus yang menemuinya di pejabat pada tarikh berkenaan.

"Tidak benar sebab SAC Musa Hassan kata dia terima arahan daripada saya untuk menutup kes itu pada 30 Ogos 1997 dan dia patuh. Tetapi kenyataan adalah sebaliknya kerana dia datang ke rumah saya untuk menyoal siasat saya pada 2 Sept 1997," katanya.

Anwar berkata ketika perjumpaan itu, semasa bersama Mohtar sahaja, peguam negara itu telah menasihatkannya supaya mengkaji kemungkinan mengambil tindakan terhadap Ummi Hafilda Ali dan Azizan.

Ummi Hafilda ialah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" bertarikh 5 Ogos 1997, yang dihantar kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berserta surat akuan bersumpah Azizan yang mendakwa diliwat Anwar.

Anwar berkata Mohtar bagaimanapun meminta agar perkara itu ditangguh sehingga beliau menerima hasil siasatan daripada polis dan telah menugaskan seorang pegawai untuk mengendalikan perkara itu.

-- BERNAMA

NHD NMO